



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
K E P I M P I N A N
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	7 August 2015

PM puji tindakan proaktif KTMB

BH-7/8/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memuji tindakan pantas Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dengan menambah dua lagi kaunter tiket di KL Sentral selepas mendapat cadangan pengguna.

Perdana Menteri yang melawat KL Sentral kelmarin mendapati ramai beratur panjang dan lama menunggu giliran untuk membeli tiket.

"Dalam lawatan saya ke KL Sentral semalam (kelmarin) untuk bejumpaTdan mendapatkan cadangan pengguna

pengangkutan awam di Lembah Klang, saya mendapati ramai beratur panjang untuk membeli tiket KTMB dan menunggu lama sehingga giliran mereka.

"Pagi ini (semalam), saya membuat panggilan kepada Pengerusi KTMB dan menyampaikan beberapa cadangan serta pemerhatian saya untuk pertimbangannya. Sebentar tadi saya dimaklumkan beberapa tindakan serta-merta sudah diambil," katanya.

Tindakan pantas KTMB ia-

lah penambahan aua lcaimter tiket, masing-masing satu untuk bahagian utara dan selatan, selain dua kakitangan tambahan ditugaskan di setiap bahagian untuk pengeluaran tiket secara manual.

12 kaunter tiket

Penambahan itu menjadikan jumlah kaunter tiket keseluruhannya bertambah daripada enam kepada 12 selepas menerima saranan Perdana Menteri.

Selain itu, beliau dimakliun-

kan bahawa KTMB akan menambah dua lagi kaunter di setiap satu bahagian menjelang hujung minggu ini dan menjadikan jumlah keseluruhan kaunter selepas ini kepada 16.

"Terima kasih kepada Pengerusi KTMB, Leftenan Kolonel (B) Sarbini Tijan atas tindakan pantas yang diambil. Saya berharap penambahbaikan ini dapat membantu rakyat menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dengan lebih selesa," katanya.